



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PERKAITAN FAKTOR MOTIVASI DAN GAYA KEPIMPINAN
JURULATIH TERHADAP PENGLIBATAN SUKAN
DI KALANGAN ATLET KEJOHANAN AKTIVITI
GERAK KERJA KOKURIKULUM (KAGUM)
INSTITUT PERGURUAN SARAWAK.**

ZAINUDIN BIN DENAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PSIKOLOGI SAINS SUKAN)**

**FAKULTI SAINS SUKAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2007



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**JADUAL KANDUNGAN****Muka surat**

PENGHARGAAN	iv
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH	ix
ABSTRAK	x
ABSTRACT	xi

BAB

1	PENGENALAN	1
	Pernyataan Masalah	5
	Objektif Kajian	8
	Persoalan Kajian	8
	Kepentingan Kajian	9
	Limitasi Kajian	10
	Definisi Operasional	10
	Instrumen Kajian	12

II	SOROTAN LITERATUR	14
----	-----------------------------	----



III	METODOLOGI KAJIAN	27
	Reka Bentuk Kajian	27
	Kerangka Konseptual Kajian	28
	Sampel Kajian	29
	Tatacara Pengumpulan Data	32

IV	ANALISA DATA	35
	Latar Belakang Demografi Kajian	36
	Analisis Motif Penglibatan	39
	Analisis Gaya Kepimpinan	46
	Perkaitan motif dan gaya kepimpinan	52

V	PERBINCANGAN	74
	Cadangan	84
	Rumusan	90

RUJUKAN	92
-------------------	----

LAMPIRAN	95
Soal Selidik	95
Aku Janji	102



SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
4.1 Jantina responden	36
4.2 Umur responden	36
4.3 Kumpulan Pengajian	37
4.4 Keturunan responden.	37
4.5 Pengalaman dalam permainan	38
4.6 Peringkat pencapaian	38
4.7 Pilihan utama penglibatan dalam KAGUM	
mengikut jantina	40
4.8 Pilihan utama penglibatan dalam KAGUM	
mengikut umur	41
4.9 Pilihan utama penglibatan dalam KAGUM	
mengikut kump pengajian	42
4.10 Pilihan utama penglibatan dalam KAGUM	
mengikut etnik	43
4.11 Pilihan utama penglibatan dalam KAGUM	
mengikut pengalaman.	44
4.12 Pilihan utama penglibatan dalam KAGUM	
mengikut peringkat pencapaian	45
4.13 Pilihan utama Gaya Kepimpinan Jurulatih	
mengikut jantina	46
4.14 Pilihan utama Gaya Kepimpinan Jurulatih	
mengikut umur	47
4.15 Pilihan utama Gaya Kepimpinan Jurulatih	
mengikut kump pengajian	48
4.16 Pilihan utama Gaya Kepimpinan Jurulatih	
mengikut etnik	49
4.17 Pilihan utama Gaya Kepimpinan Jurulatih	
mengikut pengalaman.	50
4.18 Pilihan utama Gaya Kepimpinan Jurulatih	
mengikut peringkat pencapaian.	51

05-4506832	pustaka.upsi.edu.my	Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	PustakaTBainun	ptbupsi
4.19	Korelasi motif penglibatan dengan gaya kepimpinan mengikut jantina	52		
4.20	Perkaitan di antara motif penglibatan dengan gaya kepimpinan jurulatih yang menjadi pilihan di kalangan atlit di Institut Perguruan Sarawak, Miri dalam Sukan KAGUM	56		
4.21	Mean motivasi penglihatan dan gaya Kepimpinan	62		
4.22	Korelasi faktor motivasi penglibatan dengan gaya kepimpinan	62		
4.23	Ujian T Perbezaan faktor motivasi penglibatan dan gaya kepimpinan mengikut jantina	63		
4.24	Korelasi faktor motivasi penglibatan dengan gaya kepimpinan mengikut jantina	64		
4.25	Analisis Korelasi faktor motivasi dan gaya kepimpinan dengan demografi	64		
05-4506832	pustaka.upsi.edu.my	Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	PustakaTBainun	ptbupsi
4.26	Korelasi motivasi penglibatan dengan gaya kepimpinan mengikut etnik.	66		
4.27	Korelasi motivasi penglibatan dengan gaya kepimpinan tingkahlaku.	67		
4.28	Korelasi motivasi penglibatan dengan gaya kepimpinan mengikut pengalaman	68		
4.29	Korelasi motivasi penglibatan dengan gaya kepimpinan mengikut pencapaian	70		
4.30	Analisis Varian Sehalu (ANOVA) perbezaan motif penglibatan antara etnik, umur, pengalaman dan pencapaian	71		
4.31	Analisis Varian Sehalu (ANOVA) perbezaan gaya kepimpinan jurulatih antara etnik, umur, pengalaman dan pencapaian	72		

SENARAI RAJAH

Rajah	Muka surat
2.1 Model Multidimensi Kepimpinan	25
3.1 Kerangka Konseptual Penyelidikan	29



Abstrak Kajian

Kajian ini dijalankan adalah untuk melihat motif utama penglibatan atlit Institut Perguruan Sarawak dalam sukan, gaya kepimpinan jurulatih yang menjadi pilihan atlit Institut Perguruan Sarawak dan perkaitan di antara motivasi dengan gaya kepimpinan jurulatih yang menjadi pilihan di kalangan atlit di Institut Perguruan Sarawak, Miri dalam Sukan KAGUM. Satu set borang soal selidik ditadbirkan ke atas 35 orang pelajar (21 lelaki dan 14 perempuan) yang terlibat dengan sukan tersebut. Pengukuran prestasi diperoleh berdasarkan konstruk bateri ujian yang terdiri daripada 3 bahagian utama iaitu Bahagian A : Demografi responden, Bahagian B : Motif penglibatan dan Bahagian C : Gaya Kepimpinan Jurulatih. Kedua-dua bahagian menggunakan skala Likert (5 Skala). Semua data yang dikumpul di analisis menggunakan SPSS V11.5 untuk mendapatkan skor min, sisihan piawai dan korelasi pearson. Rumusan kajian mendapati faktor motivasi utama yang menjadi pilihan atlit untuk terlibat dalam sukan KAGUM adalah faktor kemahiran ($\underline{M} = 4.66$, $\underline{SP} = .42$), kecergasan dan sosio sendiri ($\underline{M} = 4.14$, $\underline{SP} = .42$), semangat berpasukan merupakan pilihan ke empat ($\underline{M} = 4.06$, $\underline{SP} = .43$), dorongan pilihan ke lima ($\underline{M} = 3.94$, $\underline{SP} = .56$), pengiktirafan pilihan ke enam ($\underline{M} = 3.82$, $\underline{SP} = .57$), minat pilihan ke tujuh ($\underline{M} = 3.84$, $\underline{SP} = .59$), dan imej ($\underline{M} = 3.64$, $\underline{SP} = .06$) sebagai pilihan terakhir. Analisis data menunjukkan di kalangan atlit memilih gaya kepimpinan tingkahlaku latihan dan arahan sebagai pilihan utama bagi atlit lelaki ($\underline{M} = 4.26$, $\underline{SP} = .47$), atlit perempuan ($\underline{M} = 3.88$, $\underline{SP} = .69$)

Dapatan kajian juga menunjukan tidak terdapat perbezaan skor min motif penglibatan dengan gaya kepimpinan jurulatih yang signifikan di antara atlit lelaki ($\underline{M} = 3.93$, $\underline{SP} = 0.36$) dengan atlit perempuan ($\underline{M} = 3.82$, $\underline{SP} = 0.31$). Perkaitan di antara motif penyertaan dengan gaya kepimpinan jurulatih yang menjadi pilihan di kalangan atlit di Institut Perguruan Sarawak, Miri dalam Sukan KAGUM menunjukan terdapat korelasi positif yang sederhana rendah antara skor min faktor motivasi penglibatan dengan skor min gaya kepimpinan jurulatih ($r = .314$). Hubungan antara kedua-duanya pembolehubah adalah tidak signifikan ($r = .314$, $n = 35$, $p = 0.066$, $p > 0.05$) menunjukkan tiada perkaitan yang signifikan antara motif penglibatan dengan gaya kepimpinan jurulatih di kalangan atlit yang terlibat secara langsung dengan sukan KAGUM di Institut Perguruan Sarawak.





Abstract

The reason of this research is to see the main motive of the involvement of athletes in Institut Perguruan Sarawak, Miri in terms of sports, leadership coaching style, which have been main gist of the student's choice in their involvement of sports especially in Institut Perguruan Sarawak, Miri and the relation between motivation and leadership coaching style which have been the main choice of the athletes in Institut Perguruan Sarawak, Miri. One set of research form has been conducted to 35 students (21 male and 14 female) who are involved in the sports. The evaluation of performance is based on battery construct test. Part A: respondent's demography, Part B: motive of the involvement, and Part C: Leadership coaching style. The two parts use Likert scale (5 scales). All the data collected and analyzed using SPSS V11.5 to get min score, standard deviation and Pearson correlation.

The finding shows that motivation factor has been the student's main choice in their involvement in KAGUM is skill factor ($M = 4.66$, $SP = .42$), fitness and self ($M = 4.14$, $SP = .43$) motivation ($M = 3.94$, $SP = .56$), recognition ($M = 3.82$, $SP = .57$), interest ($M = 3.84$, $SP = .59$) and imej ($M = 3.64$, $SP = .06$) is the last choice. Data analysis shows that the athletes choose behavior leadership style and instructions as their main choice for male athletes ($M = 4.26$, $SP = .47$) male athletes ($M = 3.88$, $SP = .69$).

The findings shows that there is no difference between min score of involvement motive and leadership coaching style which is significant between male athletes ($M = 3.93$, $SP = 0.36$) and female athletes ($M = 3.82$, $SP = 0.31$). The relation between involvement motive and leadership coaching styles which have been the main choice of the Institut Perguruan Sarawak, Miri athletes in KAGUM tournament shows positive correlation between min score on involvement motivation and min leadership coaching style ($r = .314$). The relation between both correlation is insignificant ($r = .314$, $n = 35$, $p = 0.066$, $p > 0.05$) shows there are no significant relations between involvement motive and leadership coaching style which directly involved in KAGUM Institut Perguruan Sarawak, Miri.





BAB I

PENDAHULUAN



1.1 Pengenalan

Kejohanan Aktiviti Gerak Kerja Kokurikulum Institut Perguruan atau KAGUM telah diperkenalkan semenjak tahun 1996 bagi menggantikan Pestarama Maktab Perguruan. Walau apapun ianya merupakan satu program yang menjurus kepada apa yang dipanggil 4K iaitu Kemahiran Kepegawaian, Kemahiran Asas Permainan, Kemahiran Kejurulatihan dan Kemahiran Kepengelolaan. Tujuan dan matlamat asal kejohanan ini adalah untuk menjadi asas kepada guru-guru pelatih atau lebih tepat lagi guru-guru permulaan untuk mereka meneroka, memahami dan mempelajari teknik dan strategi bagi tujuan mengelola sesuatu kejohanan, mengurus pasukan atau pertandingan, melatih pasukan dan mengendalikan sesuatu kejohanan.





KAGUM pada dasarnya adalah berbentuk aktiviti yang sihat tanpa bermatlamatkan pertandingan atau untuk melahirkan ahli sukan, tetapi selepas ianya dinyatakan dalam bentuk “Kejohanan” maka mentaliti atau pemikiran pentadbiran institusi perguruan meletakkan ianya sebagai satu proses kejohanan untuk melahirkan ‘yang terbaik dari yang terbaik’ di kalangan 27 institut perguruan. Maka bermula dari itu kejohanan yang berasaskan sebagai tapak mendidik bakal guru mengaplikasikan apa yang telah dipelajari dalam gerak kerja kokurikulum telah sedikit sebanyak bertukar fungsinya menjadi gelanggang melahirkan “atlit dewasa” untuk bertanding sebaris dengan atlit ternama setidak-tidaknya bergelar atlit untuk semusim pertandingan.

Menjelang tahun 2005 buat pertama kali SIPMA atau Sukan Institut Pendidikan Malaysia diperkenalkan. Ianya memberikan satu ruang dan peluang untuk pensyarah menjadi jurulatih dan guru pelatih menjadi atlit lebih terbuka luas. Sukan dwi tahunan ini telah mengubah corak pentadbiran GERKO di Institut Perguruan yang semakin cenderung untuk mengambil atlit sekolah untuk menyertai Institusi Perguruan. Ini menunjukkan peranan penggerak sukan di Institut Perguruan khasnya pensyarah Pendidikan Jasmani, Kesihatan dan Sains Sukan mula berubah arah membentuk kumpulan-kumpulan jurulatih, ahli pemakanan dan pakar motivasi. SIPMA secara tidak langsung telah mengerakan warga Institut Perguruan menyertai sukan berprestasi tinggi bersaing dengan atlit remaja dari MSSM, MASUM dan MSKU.

Untuk mencapai matlamat melahirkan atlet berprestasi berbagai kaedah digunakan seperti Kaedah Latihan Suaian Fizikal, Kemahiran Ikhtisas Sukan Padang, dan Kemahiran Ikhtisas Sukan Gelanggang. Matlamat latihan tersebut antara lain ialah untuk mengekal dan mempertingkatkan tahap kecergasan fizikal di samping



membekalkan pelbagai pengetahuan dan kemahiran. Bagi mencapai matlamat tersebut, penekanan terhadap peningkatan tahap kecergasan fizikal merupakan aspek yang paling utama yang perlu diberi perhatian selain sebagai asas menjaga kesihatan dan kemahiran. Kecergasan merupakan suatu keadaan di mana seseorang itu mempunyai keupayaan untuk melakukan kerja hariannya tanpa rasa kelesuan dengan penggunaan tenaga yang maksima serta mempunyai tenaga lebih untuk digunakan di masa kesenggangan dan ketika dalam keadaan kecemasan. Clarke (1975), menyatakan bahawa kecergasan fizikal ialah keupayaan melaksanakan tugas harian dengan cekap dan cergas tanpa kepenatan yang berlebihan serta mempunyai tenaga yang mencukupi untuk aktiviti riadah.

Falls (1980), menyatakan bahawa kecergasan untuk kesihatan merangkumi aspek-aspek yang berkaitan dengan fungsi fisiologi dan psikologi yang dipercayai memberi seseorang individu perlindungan dari ancaman penyakit-penyakit hipokinetik (kekurangan pergerakan) seperti penyakit jantung, kegemukan dan berbagai penyakit otot dan tulang. Bagi orang dewasa, tahap kemampuan aerobik yang mencukupi dikaitkan dengan paras rendah penyakit jantung, obesiti, diabetik dan hipertensi (Blair, Kohl, Gordon, & Paffenbarger, 1992; Blair et al., 1989; Powell, Thompson, Caspersen, & Kendrick, 1987). Masalah ini adalah kronik dan kebiasaanya berlaku semasa alam kanak-kanak seseorang (Moller, Taubert, Allen, Clark, & Lauer, 1994). Adalah mustahak supaya penekanan diberikan terhadap pendidikan, pencapaian dan penilaian kemampuan aerobik di peringkat awal pengajian guru pelatih. Adalah jelas bahawa kemampuan aerobik sudah menjadi penting dan diterima sebagai komponen dalam ujian kecergasan fizikal.

The American Alliance of Health, Physical Education, Recreation and Dance (AAHPERD, 1980) telah mengklasifikasikan komponen kecergasan fizikal ialah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dayatahan kardiovaskular, kekuatan otot, dayatahan otot, kelembutan dan komposisi

badan. Setakat ini belum ada ahli sains sukan dapat membuktikan kecergasan fizikal yang dapat digunakan sekian lama bukan sebagai rujukan tahap kecergasan fizikal oleh guru pelatih. Prestasi kecergasan fizikal setiap guru pelatih akan dapat dikesan dari masa ke semasa dengan berpandukan norma ujian kecergasan fizikal yang piawai. Oleh itu, mereka perlu sentiasa mengawal tahap kecergasan fizikal dan mempertingkatkan tahap pengetahuan dan kemahiran bersukan untuk menjadi atlit yang bermutu di Institut Pendidikan Guru.

Selain aspek kecergasan fizikal guru pelatih yang berminat menyertai KAGUM perlu mempunyai suatu daya penggerak yang wujud dari luar atau dalaman. Aspek motivasi dan gaya kepimpinan jurulatih memainkan peranan penting untuk menjadi penggerak utama kepada guru pelatih melibatkan diri dalam kejohanan-kejohanan seperti KAGUM Permainan dan Olahraga.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini nanti bertujuan memberi fokus dalam meneliti faktor-faktor yang dapat memotivasikan penglibatan seseorang guru pelatih di Institut Perguruan Sarawak, Miri dalam aktiviti sukan dan permainan diperingkat KAGUM terhadap gaya kepimpinan jurulatih yang diminati. Isu yang diberi perhatian adalah apakah faktor motivasi yang menyebabkan guru pelatih Institut Perguruan Sarawak, Miri melibatkan diri dalam aktiviti sukan dan adakah perkaitan dengan gaya kepimpinan jurulatih yang menjadi pilihan atlit.

Hasil kajian ini nanti dapat membantu pensyarah selaku jurulatih menyediakan teknik dan strategi latihan dalam semua prinsip latihan. Pengetahuan mengenai motivasi dan gaya kepimpinan jurulatih dapat membantu guru pelatih memilih sukan yang bersesuaian khususnya dalam penglibatan ke arah KAGUM dan SIPMA 2009.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Beashel dan Taylor (1996), prestasi kecergasan fizikal boleh di peringkat

dan diperkembangkan melalui latihan. Pada dasarnya, penilaian prestasi kecergasan fizikal adalah sangat relevan bagi menentukan keupayaan pergerakan serta potensi kejayaan seseorang dalam sesuatu kemahiran sukan namun begitu motivasi dan gaya kejurulatihan juga adalah menjadi faktor penggerak seseorang melibatkan diri dalam sukan berprestasi. Prestasi kecergasan fizikal hanya boleh diperoleh melalui penggunaan bateri ujian yang piawai dan lengkap dengan pentadbiran dan prosedur ujian serta kaedah pemberian skor yang tekal tetapi disebabkan kebolehan memahami psikologi adalah amat terbatas sama ada di atas padang atau sebaliknya.

1.2 Pernyataan Masalah

Kerap diperdebatkan bahawa kewangan atau “material” merupakan penyumbang utama atau motivasi utama seseorang individu melibatkan diri dalam sukan tanpa

mempunyai nilai estetik kesukanan dan tiada penghayatan dalam sukan yang diceburi.

Atkinson dan McClelland (1987, petikan Woodman 1993) menyatakan motivasi pembelajaran bergantung kepada tujuan, insentif, kebolehan dan harapan untuk mencapai kejayaan. Motivasi yang berbentuk kebendaan sering menjadi penggerak kepada atlet melibatkan diri dalam sukan tetapi tidak mempunyai semangat kesukanan yang tinggi dan sering dilihat menunjukkan prestasi yang tidak menentu sebagai contohnya dalam sukan badminton di Malaysia, kes bola sepak era semipro 1995, renang olahraga dan banyak lagi.

Motif penglibatan menjadi penting dalam penglibatan atlet terhadap sesuatu sukan. Maslow (1954) telah melahirkan satu konsep motivasi melalui teori keperluannya yang sangat terkenal. Beliau telah mengenalpasti lima jenis keperluan yang disusun mengikut hirarki dimana keperluan pada sesuatu aras perlu dipenuhi

sebelum bergerak kearah yang lebih tinggi bermula keperluan fisiologi, keselamatan, kasih sayang, penghormatan / pengiktirafan dan kesempurnaan diri. Murry (1938), mentafsirkan motivasi sebagai keinginan melakukan sesuatu dengan cepat dan sebaik mungkin bagi membolehkan seseorang individu mendapat standard yang tinggi dalam menunjukkan kebolehan. Jelasnya bahawa motivasi adalah sangat penting bagi membolehkan atlet melibatkan diri dengan sukan sama ada atas dasar sosio sendiri, dorongan, kemahiran, kecergasan atau minat.

Walaupun kemahiran dan kecergasan diandaikan menjadi faktor utama penglibatan dalam sukan oleh atlet tetapi untuk mendapatkan kemahiran dan kecergasan, proses latihan merupakan suatu proses berterusan untuk meningkatkan keupayaan dan kejituan melaksanakan sesuatu matlamat pergerakan sebelum dan semasa pertandingan berasaskan prinsip saintifik menjurus kepada fizikal, mental, taktikal dan teknikal, di sini peranan jurulatih menjadi salah satu faktor utama untuk menggerakkan seseorang melibatkan diri dalam sukan. Jurulatih merupakan orang yang bertanggungjawab dalam membantu atlet memperbaiki dan meningkatkan prestasi sehingga ke hari pertandingan.

Kepimpinan jurulatih menjadi topik hangat diperkatakan apabila sesuatu kejayaan atau kegagalan seseorang atlet atau pasukan yang dipimpinya. Ini ternyata dalam kes David Beckham yang tidak bersetuju dengan corak latihan Eric Fogusen, hingga membawa kepada prestasi beliau dan menyebabkan perpindahan. Laporan akhbar Harian Metro menyatakan Skuat Galacticos sudah bertukar 6 jurulatih tanpa satu piala untuk dibanggakan menyaksikan sepanjang 2004 hingga 2007 Real Madrid gagal memperolehi sebarang kemenangan walaupun pemainnya dibarisi dengan pemain ternama dan mempunyai antara jurulatih terbaik dunia seperti Fabio Capello, Carlos Queiroz dan Mariano Garcia Remon. (Sumber Harian Metro 11 Feb. 2007).

Ini menunjukkan terdapat satu korelasi positif antara motif penglibatan dalam sukan dengan gaya kepimpinan jurulatih. Di Malaysia sendiri, kemerosotan pencapaian bola sepak disebabkan oleh peranan jurulatih, ini ditegaskan oleh Serbegeth Singh selaku penasihat Pembangunan dan Pemasaran Sukan Talekom Malaysia yang mempertikaikan kaedah latihan bekas jurulatih TMFC iaitu Irfan Bakti Abu Salim yang dianggap ketinggalan zaman tetapi yang terbaru ramai mempertikaikan mengapa TMFC melantik Wan Jamak Wan Hasan sebagai jurulatih utama dalam pasukan Talekom Malaysia (TMFC) sedangkan beliau dianggap sebagai “seorang pemandu berpengalaman yang boleh menandu tetapi tidak berkelayakan atau ertikata lain tidak mempunyai lesin”. (Sumber : Berita harian 18 Feb. 2007 : Wan Jamak Tiada Lesin A) Ini menunjukkan terdapatnya hubungan penting sesuatu pasukan atau pemain dengan gaya kepimpinan jurulatih .

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Fokus kajian ini adalah bagi meneliti faktor motivasi penglibatan guru pelatih

Institut Perguruan Sarawak, Miri terlibat dalam aktiviti sukan dan KAGUM permainan dan gaya kepimpinan jurulatih yang diminati. Isunya adalah apakah faktor yang memotivasikan guru pelatih sama ada lelaki atau perempuan melibatkan diri dalam aktiviti sukan yang berbentuk pertandingan seperti KAGUM ada pertalian dengan gaya kepimpinan seseorang jurulatih yang menjadi pilihan atlit.

Selalu dibincangkan oleh masyarakat, kepimpinan jurulatih merupakan motivasi ekstrinsik yang boleh memainkan peranan dalam mengalakkan seseorang atlit melibatkan diri dalam sukan. Kepimpinan jurulatih juga, sering dikaitkan sebagai penggerak utama kepada seseorang atlit melibatkan diri dalam permainan atau sukan.

Jadi kecemerlangan sesuatu sukan juga ada hubungkait dengan profesion kejurulatihan dan tingkahlaku seseorang jurulatih. Kepimpinan yang ditunjukkan oleh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

seseorang jurulatih mempunyai pengaruh yang besar dalam penglibatan atlit dan

pasukan. Kepimpinan jurulatih akan menjadi perbincangan sama ada atlet yang dilatihnya berjaya atau gagal dalam pertandingan. Prestasi atlet dapat dipertingkatkan melalui kepimpinan jurulatih semasa melaksanakan program pembangunan sukan dan persiapan menghadapi pertandingan. Perkaitan antara motivasi dengan kepimpinan memainkan peranan penting untuk mengukuhkan prestasi pasukan atau atlet, khasnya corak kepimpinan bagaimanakah akan menjadi pilihan atlet di Institut Perguruan Sarawak yang menjadi pilihan utama.

1.3 Objektif Kajian

Kajian mengenai perkaitan faktor motivasi dan gaya kepimpinan jurulatih terhadap penglibatan dalam sukan KAGUM dikalangan atlet Institut Perguruan Sarawak, Miri dijalankan untuk mencapai objektif-objektif berikut:-

- i. Mengenalpasti motif penglibatan guru pelatih dalam sukan di Institut Perguruan Sarawak.
- ii. Mengenal pasti gaya kepimpinan jurulatih yang menjadi pilihan atlet IP. Sarawak melibatkan diri dalam sukan.
- iii. Melihat perkaitan di antara motif penglibatan dalam sukan dengan gaya kepimpinan jurulatih yang menjadi pilihan atlet Institut Perguruan Sarawak.

1.4 Persoalan Kajian

Kajian mengenai perkaitan faktor motivasi dan gaya kepimpinan jurulatih terhadap penglibatan sukan dikalangan atlet Institut Perguruan Sarawak. Berdasarkan kepada permasalahan kajian tersebut, penyelidik akan menjawab persoalan kajian berikut:-

- i. Apakah motif utama penglibatan atlet (lelaki dan perempuan) di Institut Perguruan Sarawak dalam sukan .
- ii. Apakah gaya kepimpinan jurulatih yang menjadi pilihan atlet dalam penglibatan sukan di Institut Perguruan Sarawak.
- iii. Apakah wujudnya perkaitan di antara motif penyertaan dengan gaya kepimpinan jurulatih yang menjadi pilihan di kalangan atlet di Institut Perguruan Sarawak, Miri dalam Kagum Permainan.

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk melihat perkaitan faktor motivasi dan gaya kepimpinan jurulatih terhadap penglibatan sukan di kalangan atlet Institut Perguruan Sarawak,

Miri. Maklum balas dari kajian ini akan dapat membantu pensyarah (jurulatih)

mengenal pasti kekuatan dan kelemahan strategi dan teknik serta kaedah latihan yang dijalankan. Keputusan dapatan dari kajian ini juga diharapkan dapat memberi gambaran sebenar tentang status motivasi dan gaya kepimpinan jurulatih yang menjadi pilihan atlin melibatkan diri dalam sukan berbentuk pertandingan. Maklum balas perkaitan faktor motivasi dan gaya kepimpinan jurulatih terhadap penglibatan sukan juga dapat meningkatkan semangat untuk guru pelatih untuk terus berusaha mengekal dan meningkatkan lagi tahap prestasi dan kecergasan fizikal bagi menghadapi pertandingan sebenar.

1.6 Limitasi Kajian

Kajian perkaitan faktor motivasi dan gaya kepimpinan jurulatih terhadap penglibatan sukan di kalangan atlet Institut Perguruan Sarawak dijalankan berdasarkan perkara berikut:-

- i. Kajian ini dijalankan ke atas seramai 35 orang atlet (21 orang lelaki dan 14 orang perempuan) dalam yang sedang aktif bersukan di intitus perguruan dari program pengajian Kursus Perguruan lepas Ijazah (KPLI), Program Persediaan Sarjana Muda (PISMP), dan Ijazah Sarjana Muda Keguruan di Institut Perguruan Sarawak, Miri, sesi pengajian 2007.
- ii. Kajian ini dijalankan menggunakan Model Motivasi Penglibatan dan Teori Multidimensi Kepimpinan dengan menggunakan satu set borang soal selidik yang diubah suai dari soal selidik Participation Motivation Questionnaire (PMQ) (Gill, Gross & Huddleston 1983) dan Leadership Scale for Sport (LSS) (Chelladurai & Salleh, 1978) dengan menggunakan skala Likert 5 mata.
- iii. Pengumpulan data ujian bagi semua subjek diperoleh pada perjumpaan di Dewan Ilmu. Subjek hanya dibenarkan menjawab soal selidik di luar waktu kuliah waktu petang.

1.7 Definisi Operasional

Dalam pertalian faktor motivasi dan gaya kepimpinan jurulatih terhadap penglibatan sukan ini pelbagai terminologi dan konsep digunakan. Pengertian terminologi dan konsep dalam konteks kajian ini adalah seperti berikut:-



1.7.1 Atlet

Ahli sukan, olahragawan, olahragawati. Guru pelatih yang melibatkan diri dalam sukan KAGUM secara aktif.

1.7.2 Bumiputera

anak negeri, penduduk asli/negeri, peribumi : Penduduk asal Serawak iaitu Iban, Bidayuh, Kayan dan sebagainya.

1.7.3 Guru Pelatih

pengasuh, wali, instruktur, guru, pendidik, pemimpin, pengelola, penyelenggara, pengajar; Merujuk kepada pelajar yang sedang mengikuti kursus perguruan yang terlibat dalam kajian.



1.7.4 Jurulatih

andai, tukang, pakar, ahli telah biasa (kerana belajar/diajar), telah mahir (kerana terdidik); Pensyarah yang dilantik oleh pentadbir institut sebagai tenaga mahir untuk mengendalikan sesuatu aktiviti berdasarkan kemahirannya dan kebolehan yang ada.

1.7.5 KAGUM

KAGUM adalah singkatan / akronim kepada Kejohanan Aktiviti Gerak Kerja Ko-Kurikulum Untuk Maktab/Institut Perguruan Malaysia.

1.7.6 KPLI



Singkatan kepada Kursus Perguruan Lepas Ijazah



1.7.7 Motivasi

Kecenderungan atau keinginan untuk mencapai matlamat yang diinginkan.

1.7.8 Pemimpin

Kepala, ketua, pemandu, , pengarah, sutradara, penghulu, hulubalang, panglima, konduktor, penganjur, pembimbing, penunjuk jalan, penggerak, pengendali, penasihat, pengetua, pengurus; Tenaga pengajar atau pensyarah yang menjadi jurulatih dalam sukan KAGUM.

1.7.9 PPISMP

Singkatan kepada Pra Program Ijazah Sarjana Muda Pengajaran



1.7.10 PPPRET

Singkatan kepada Program Perguruan Pengajaran Rendah Empat Tahun

1.7.11 PPISMP-OUM

Program Ijazah Sarjana Muda Keguruan – Universiti Terbuka Malaysia

1.8 Instrumen ujian

Bagi tujuan Kajian pertalian faktor motivasi dan gaya kepimpinan jurulatih terhadap penglibatan sukan di kalangan atlet Institut Perguruan Sarawak, satu set borang soal selidik meliputi tiga bahagian utama telah disediakan iaitu:





Bahagian A – Demografi responden

Bahagian B – Motivasi penglibatan dalam Sukan

Bahagian C – Gaya Kepimpinan Jurulatih

Soal selidik Bahagian A : latar belakang responden mengandungi 10 item yang bertujuan untuk memperolehi maklumat demografi responden. Soal selidik Bahagian B : Menggunakan instrumen pengukuran yang telah diubahsuai dari instrumen Participation Motivation Questionnaire (PMQ) (Gill, Gross & Huddleston 1983) hanya mengandungi 30 item yang menerangkan motif penglibatan responden dalam KAGUM Permainan 2007. Responden dikehendaki menyatakan sama ada sesuatu motivasi penglibatan itu (1) sangat tidak setuju, (2) tidak setuju, (3) tidak pasti, (4) setuju dan (5) sangat setuju. Item bahagian ini dibentuk menggunakan skala Likert 5 mata.



Soal selidik Bahagian C : Menggunakan Instrumen Leadership Scale for Sport

(LSS) (Chelladurai & Salleh, 1978) bagi mendapatkan maklumat Gaya kepimpinan jurulatih yang mengandungi 5 dimensi iaitu tingkahlaku latihan dan arahan, tingkahlaku demokratik, tingkahlaku autokratik, tingkahlaku sokongan sosial dan tingkahlaku maklumbalas positif. Setiap item menerangkan ciri-ciri kepimpinan jurulatih terdiri dari 40 item. Setiap item mempunyai skala Likert 5 mata menyatakan sama ada sesuatu item itu (1) tidak pernah, (2) kadang-kadang, (3) jarang-jarang, (4) selalu dan (5) sangat selalu. Responden hanya perlu membulatkan skala pada sebelah kiri setiap item dalam ruang jawapan.





BAB II

SOROTAN LITERATUR

2.1 Pengenalan



Kajian pertalian faktor motivasi dan gaya kepimpinan jurulatih terhadap penglibatan sukan di kalangan atlet Sukan KAGUM Institut Perguruan Sarawak adalah yang pertama dan belum pernah dijalankan lagi di Institut Perguruan Sarawak. Setakat ini kebanyakan jurulatih dan atlet hanya mengikut atau menyertai sukan seolah-olah kerana terpaksa atau saja untuk berseronok.

Motif penglibatan sukan adalah berbeza antara seorang individu dengan seorang individu yang lain, ianya juga berbeza antara jenis sukan itu sendiri. Seseorang atlet menyatakan bahawa penglibatan sukan adalah disebabkan untuk mencari kewangan atau lebih tepat lagi sebagai atlet profesional seperti Ronaldinho, Zinedin Zidane, Rafail Nadal, atau Tiger Wood., namun tidak kurang juga untuk mengisi masa lapang atau untuk memperolehi pengiktirafan, penghormatan dan memenuhi keperluan.



Dalam Teori Kepimpinan menjelaskan ciri-ciri kepimpinan sebagai kriteria

untuk menghuraikan atau meramalkan kejayaan. Pendekatan ini bermula dengan teori “great man” di mana kepimpinan dianggap sebagai sifat semula jadi iaitu dilahirkan bukan dicipta. Teori ini lebih dikenali sebagai “*Teori Tret*”. Antara ciri-ciri penting dalam teori ini ialah sifat individu boleh digunakan untuk membezakan antara seorang pemimpin itu berjaya atau tidak dalam proses kepimpinannya.

Ebbeck, Gibbon dan Dahle (1995) menjelaskan bahawa penglibatan individu dalam sukan adalah bertujuan berinteraksi, kepuasan diri dan imej sendiri atau lebih menekankan psikososial. Motif-motif penyertaan ini adalah berbeza mengikut jantina dan jenis sukan itu sendiri. Oleh itu faktor penglibatan dalam sukan mempunyai hubung kait antara faktor peribadi dan situasi. Faktor-faktor situasi seperti gaya kepimpinan jurulatih dan pengalaman atlet sendiri akan memberikan kefahaman mengenai motif penyertaan dalam sukan. Pendapat Ebbeck, Gibbon dan Dahle menyokong kajian Gould dan Petlichkoff (1988) yang mengariskan motivasi penglibatan atlit meliputi motif untuk memperbaiki kemahiran, memperoleh keseronokan, berinteraksi, menghadapi cabaran dan memperoleh kejayaan. Dari kajian Balbir Singh (1994) yang melibatkan pelajar seramai 120 orang di sekolah menengah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur merumuskan penglibatan sukan di kalangan pelajar adalah untuk meningkatkan kemahiran, kecergasan fizikal, semangat berpasukan dan mengurangkan “stres”.

Robert (1995) mengemukakan tiga pendekatan oreantasi interaksi tingkahlaku personal yang merangkumi ciri-ciri keperibadian atlet dan oreantasi situasi merujuk kepada motivasi atlet dipengaruhi oleh persekitaran. Pakar-pakar psikologi sukan berpendapat oreantasi interaksi merupakan satu pendekatan oreantasi motivasi atlet iaitu personaliti atlet, keperluan, kepentingan matlamat dan tingkahlaku kepimpinan

jurulatih mempengaruhi penglibatan individu menyertai aktiviti sukan sama ada berjaya atau tidak.

Razali Muhammad (2001) telah menjalankan satu kajian mengenai hubungan di antara gaya kepimpinan jurulatih dengan tahap motivasi pelajar Sekolah Sukan Bukit Jalil. Alat ukur yang digunakan adalah 'Leader Behaviour Description Questionnaire' (LBDQ) digunakan untuk mengukur dimensi kepimpinan jurulatih iaitu pendayautamaan struktur dan timbang rasa. Hasil penyelidikan itu mendedahkan gaya kepimpinan jurulatih mempunyai kolerasi negatif terhadap motivasi atlet ($r = -.279$, $p < .01$) Kepimpinan yang tinggi dalam timbang rasa dan pendayautamaan struktur akan menghasilkan tahap motivasi atlet yang rendah dan sebaliknya.. Jika mengikut jantina tidak terdapat perbezaan motivasi atlet sekolah. Malah tidak terdapat perbezaan antara tahap motivasi antara atlit mengikut jenis permainan samaada acara individu atau berpasukan.

Serpa, Pataco dan Santos (1991) menyatakan bahawa pasukan yang berjaya biasanya mempunyai pemimpin yang dapat memotivasikan pengikutnya dalam sukan. Jurulatih merupakan pemimpin yang memainkan peranan utama dalam membentuk pasukan yang mantap. Prestasi pasukan dan atlet kerap kali dikaitkan dengan corak dan gaya kepimpinan jurulatih.

Sorrentino dan Sheppard (1978) menjalankan kajian kepada 44 atlit renang lelaki dan 33 atlit renang perempuan ditiga buah universiti di Kanada mendapati perenang berpasukan menunjukkan prestasi yang lebih baik melalui personaliti atlet dan gaya kepimpinan jurulatih yang sentiasa memberikan sokongan kepada atletnya.

Norazan Abdullah (1998) dalam kajiannya mendapati gaya latihan dan arahan menjadi pilihan utama atlet yang menyertai Kejohanan SUKMAS 1997 di Universiti Utara Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan bahawa atlet lebih cenderung untuk

memilih gaya kepimpinan jurulatih tingkahlaku latihan dan arahan yang dianggap lebih berkesan untuk mencapai matlamat dalam penglibatan dalam sukan. Berdasarkan kajian-kajian lampau di tanah air dan teori-teori yang diketengahkan mengenai motivasi suatu rumusan boleh dibuat bahawa faktor motivasi dan gaya kepimpinan jurulatih dapat mempengaruhi penglibatan ramai atlet dalam bersukan. Ini yang hendak dilihat oleh penulis apakah motif sebenar penyertaan guru pelatih dalam sukan KAGUM dan pertaliannya dengan gaya kepimpinan jurulatih semasa menjalankan latihan.

2.2 Latar Belakang Kajian

Kajian Perkaitan faktor motivasi dan gaya kepimpinan jurulatih terhadap penglibatan sukan di kalangan atlit kejohanan aktiviti gerak kerja kokurikulum (KAGUM) Institut Perguruan Sarawak menggunakan dua pendekatan teori. Kedua-duanya pendekatan ini menjadi asas dan sumber rujukan kajian ini.

2.2.1 Pendekatan Teori Motivasi

Maslow (1954) telah menyusun satu hairaki merangkumi lima keperluan utama iaitu fisiologi, keselamatan, kasih sayang, penghormatan dan kesempurnaan. Maslow juga menyatakan sesuatu keperluan itu perlu dipenuhi terlebih dahulu sebelum ke aras keperluan yang lebih tinggi yang berikutnya. Oleh yang demikian untuk memenuhi keperluan ini sesaorang itu perlu melakukan sesuatu yang berupa daya pengerak, dorongan dan penyebab untuk mencapai matlamat pada sesuatu aras keperluan. Kuasa pengerak inilah yang ditakrifkan sebagai motivasi. Murry(1938) mentakrifkan